

## KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA	
TARIKH	:	18/3/2021	MUKA SURAT : 34
JABATAN	:	SEKTOR TENAGA	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

# SEP bantu kerajaan jimat RM600j

Oleh NURFAHIN HUSSIN  
farahin.hussin@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Program *Solar Energy Purchasing (SEP)* untuk bangunan kerajaan dilihat mampu memberikan kesan kerana kepada ekonomi negara kerana berpotensi mencipta kira-kira 140,000 peluang pekerjaan, kontrak projek bernilai lebih RM16 bilion kepada 4,000 syarikat selain membantu kerajaan menjimatkan sehingga RM600 juta bil elektrik setahun.

Sasaran tersebut boleh dicapai sekiranya pihak kerajaan menerapkan pemasangan sistem Solar Fotovoltaiik (PV) dengan jumlah kapasiti 4,116 MWp di semua bangunan kerajaan di seluruh negara.

Pengarah Urusan Gading Kencana Sdn. Bhd., Datuk Ir. Muhammad Gunter Mansor To-beng berkata, setakat ini, sebanyak 27 agensi kerajaan telah memasang panel solar di bangunan masing-masing dengan jumlah kapasiti sistem solar PV di Putrajaya sebanyak 1,294kW.

Ujarnya, ini peluang besar untuk para penyedia perkhidmatan tenaga boleh diperbaharui, syarikat kontraktor, vendor dan konsultant kerajaan yang banyak bangunan kerajaan yang bakal memasang sistem PV.

"Kerajaan kini sudah mula memahami kebaikan sistem solar dan telah memberi banyak kesedaran mengenai diperbaharui itu dalam kalangan agensi kerajaan. Jika dilihat pada senarai bangunan, ini masa sesuai untuk menawarkan perkhidmatan konsultant dan pemasangan solar, contohnya sekolah-sekolah dan stadium.

"Ini secara tidak langsung membuka banyak peluang pekerjaan baharu daripada kontraktor elektrik dan sebagai baharu seterusnya mencapai sasaran pihak kerajaan untuk meningkatkan kapasiti peng-

Utusan Malaysia - Ekonomi 18/3/2021 m/s 34  
gunaan tenaga boleh diperbaharui sehingga 20 peratus dalam tempoh tiga tahun lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika muncul sebagai panel webinar *Solar Energy Purchasing* un-tuk bangunan kerajaan: Potensi, Peluang dan Cabaran anjuran Kementerian Kerja Raya secara maya, semalam.

## PROGRAM SOLAR ENERGY PURCHASING (SEP)

- » Mencipta kira-kira 140,000 peluang pekerjaan.
- » Kontrak projek bernilai lebih RM16 bilion kepada 4,000 syarikat.
- » Pemasangan sistem Solar Fotovoltaiik (PV) dengan jumlah kapasiti 4,116 MWp.

Webinar itu turut disertai Timbalan Pengarah Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Ir. Mohd. Zamri Laton dan Pengarah Urusan Gasparx Sdn. Bhd., Elmie Fairul Mahsun sebagai panel.

Sementara itu, Mohd. Zamri memaklumkan, pemasangan sistem solar ini memberi peluang kepada banyak pihak dan

bukan hanya tertumpu kepada bangunan kerajaan.

"Menurusi Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) 3.0 yang dilancarkan semalam (Kelmanin), masing-masing 100MW telah dikehaskan untuk bangunan kerajaan dan domestik, manakala 300MW lagi akan disalurkan kepada bangunan komersial dan perindustrian seperti kilang-kilang yang menggunakan tenaga lebih tinggi.

"Jadi, lebih banyak pemasangan diperlukan menerusi syarikat-syarikat pemasangan sistem solar. Pengusaha boleh mendaftar sebagai syarikat berdaftar di bawah SEDA kerana sudah tentu banyak peluang kontrak projek akan tumbuh selepas ini," ujarnya.

Ketika diminta mengulas sama ada pemasangan sistem solar akan memberi kesan buruk kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB), Elmie Fairul menjelaskan syarikat utiliti negara itu sentiasa bersama kerajaan dalam melaksanakan visi pembaharuan.

